


Fikir dulu sebelum

Elak berkongsi sesuatu yang boleh memakan diri di media sosial



PROF DR MOHAMMAD SHATAR



KAFE
AHAD

Oleh NORAINON OTHMAN

norainon@mediaprime.com.my

Sikap hormat menghormati semakin terhakis dalam kalangan masyarakat kita. Ada kala pelik dengan sikap masyarakat yang sekadar ketawa melihat kanak-kanak biadab terhadap orang dewasa, seolah-olah ia perkara normal dan cuma gurauan.

Di media sosial pula, penggunaan bahasa kesat, caci maki, carut mahupun penghinaan semakin ber-

ngan muda.

Cara menghormati berbeza antara lelaki dengan perempuan, begitu juga antara kaum. Apabila kita melakukan sesuatu perkara, ia tidak sepatutnya menjelaskan perasaan orang lain.

Sebagai masyarakat, kita mesti tahu ada kehendak dan cara berbeza. Apabila kita menghormati orang, kita akan melakukan sesuatu perkara tanpa menyenggung nati orang lain.

Untuk negara yang mempunyai berbilang bangsa seperti Malaysia, sikap hormat menghormati adalah kunci kepada kemakmuran dan keharmonian negara. Unsur itu sudah pudar membabitkan semua kategori.

"Apabila berbuat sesuatu di media sosial, fikirkan semula tujuan kita memuat naik. Jika tujuannya untuk memalukan orang, baik lupakan"

Prof Dr Mohammad Shatar Sabran

① : Sikap hormat menghormati, adab sopan dan budi bahasa semakin terhakis dalam kalangan generasi muda hari ini. Apa komen Prof?

① : Senario ini semakin hari semakin ketara. Mereka hanya penggan perasaan, kemahuan atau cita rasa sendiri tanpa memikirkan perasaan orang lain.

Apa yang mereka lakukan atas titik 'aku yang perlu diutamakan'. Konsep pengorbanan tidak diamalkan kira, menyebabkan hubungan semakin renggang.

Berbeza dengan zaman dulu, perkataan digunakan sangat berlapik kerana memikirkan perasaan orang lain. Bukan bermaksud seseorang itu membelakangkan kehendak diri, tetapi mereka berfikir dulu sebelum bertindak.

Jika terlepas cakap, kita sememangnya boleh memohon maaf, tetapi sudah terlewati dan

maka harajalela. Di mana hilangnya budaya sopan santun kita sebagai masyarakat Timur?

Kafe Ahad mendapatkan pandangan Pakar Sosial dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Mohammad Shatar Sabran mengenai topik ini.

SOALAN ② : Apakah maksud atau pengertian hormat dalam konteks lebih luas?

JAWAPAN ① : Dari segi asas, Rukun Negara nombor lima ialah kesopanan dan kesusilaan. Sikap hormat menghormati perlu diamalkan dari peringkat tua hingga muda, yang tua menghormati yang muda dengan cara tertentu, begitu juga golo-

bertindak

sukar membetulkan semula keadaan.

Rahsia kepada perpaduan atau keharmonian ialah meletakkan diri kita pada orang di depan kita. Jika kita tidak berbuat demikian, banyak berlaku bahasa atau perlakuan kasar atau kurang ajar.

Bayangkan adakah kita suka dilayan begitu, misalnya jika hendak menegur anak, letakkan anak dalam diri kita. Jika mahu menegur kakitangan bawahan, wajarkah kita memarahinya di depan orang lain kerana itu hanya akan menjatuhkan air mukanya.

Q : Mengapa hari ini lebih ramai mementingkan diri dan jarang memikirkan mengenai orang lain?

! Masyarakat menilai sesuatu kejayaan atau kelembahan. Kalau seorang berjaya, biasanya kita memfokus kejayaan individu terbabit.

Kita jarang melihat kejayaan secara keseluruhan. Ini menyebabkan ramai berlumba-lumba menjolok diri sebagai individu dan mengetepikan orang lain.

Misalnya, jika anak berjaya, kita tidak lihat siapa di sebalik kejayaan anak terbabit seperti guru, ibu bapa atau rakan sebaya.

Jangan lihat kejayaan seseorang sebagai kejayaan individu kerana kita tidak mahu sifat individualistik subur dalam masyarakat kita.

Seseorang tidak boleh berjaya tanpa bantuan atau sokongan orang lain. Wakil rakyat misalnya, turut berjaya di kedudukannya dengan sokongan orang lain.

Q : Apakah kegagalan mengawal marah menjadi punca hilangnya sikap hormat atau adab sopan?

! Dalam konteks organisasi, marah terjadi disebabkan penat. Individu yang penat bekerja boleh marah. Semua orang ada sifat marah, tetapi perlu

pandai menghalakan marah ke saluran betul.

Pekerjaan yang kita buat adalah amanah, jika disertakan dengan niat betul, ia menjadi ibadah. Berapa ramai yang berani marah kepada Tuhan kerana perlu solat? Tentu tidak berani kerana menyedari ia tanggungjawab setiap Muslim.

Jika tahu menuaikan solat itu satu tanggungjawab atau kewajipan, ia menjadikan solat ibadah yang seronok. Marah atau penat hilang apabila kita secara automatik merasa ia perkara yang seronok dilakukan.

Q : Dalam sibus sekolah sudah ada subjek agama, perlukah diwujudkan satu pelajaran khusus mengenai akhlak pula?

! Subjek yang ada sudah memadai, cuma boleh ditambah dengan teori bagus. Gunakan kaedah penyampaian dengan cara menarik dan berkesan di hati.

Kaedah pengajaran perlu diubah, iaitu ada konsep tunjuk dan beritahu. Generasi muda sekarang sukar memahami maksud tersirat.

Q : Apakah peranan yang patut dimainkan oleh ibu bapa, sekolah dan kerajaan dalam memupuk nilai murni, peradaban dan saling menghormati?

! Ibu bapa perlu tahu sifat Gen Y yang sangat rasional. Mereka boleh mempertikaikan keputusan dibuat dan tidak menjadi kesalahan sebagai ibu bapa atau kerajaan memberi justifikasi mengapa perkara itu dilakukan. Mereka perlu bertanggungjawab memberi penerangan berdasarkan hujah dan fakta.

Q : Pada pengamatan Prof, adakah kemajuan teknologi dan kemodenan menjadi antara punca nilai murni semakin tandus?

! Kita tidak menyalahkan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi sebagai penyebab masalah ini.

Baik buruk sesuatu rekaan terletak pada pengguna sendiri.

Penyalahgunaan media sosial dilakukan oleh manusia sendiri. Gajet yang sepatutnya dimanfaatkan untuk kebaikan digunakan untuk menjatuh atau mengaibkan orang. Apa salahnya medium ini digunakan untuk menyebar luas budaya hormat menghormati.

Q : Sebagai orang muda, jika dia merasakan dirinya benar, bagaimana cara untuknya menyampaikan mesej kepada orang lebih tua?

! Teguran perlu dilakukan secara berhemah. Sampaikan mesej melalui orang ketiga iaitu yang sangat rapat dengan individu terbabit. Orang muda sering tidak sabar untuk melihat perubahan, sebab itu berlaku rusuhan dan demonstrasi.

Q : Media sosial memudahkan seseorang meluahkan perasaan atau pendapat. Medium ini kadangkala disalahgunakan, lalu tersebar perkara negatif. Malah, ada juga topik yang dilihat sebagai perkara biasa atau bukan kesalan. Apa pendapat Prof mengenai hal ini?

! Apabila berbuat sesuatu di media sosial, fikirkan semula tujuan kita memuat naik. Jika tujuannya untuk memalukan orang, baik lupakan.

Perkara yang di-taburkan pada masyarakat umum akan mengundang sejuta persepsi. Kadangkala tujuan kita memuat naik sesuatu bagi meraih sokongan, tetapi akhirnya menerima padah.

Pengajarannya ialah jangan berkongsi sesuatu yang boleh memakan diri di media sosial. Dari segi kaunseling, seseorang digalakkan berjumpa terus dengan seorang individu saja, iaitu kaunselor.